

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : SELASA, 11 MAC 2014

RUJUKAN : L1 [PR-1321-L59556]

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan siapakah juruperunding yang dilantik untuk melakukan tugas-tugas menilai semula nilai tahunan hartatanah dalam Bandaraya Kuala Lumpur, fi konsultan yang dibayar bagi tugas tersebut dan kedudukan bantahan awam bagi kenaikan nilai tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak pernah melantik mana-mana juruperunding untuk menjalankan tugas-tugas penilaian semula. Ianya dijalankan sendiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH), DBKL. Dengan demikian tiada bayaran fi kepada konsultan.

Daripada 507,800 Notis Semakan Semula Senarai Nilai yang dikeluarkan, pihak DBKL menerima 166,724 bantahan bersamaan 32.83%.

Pendengaran Bantahan diadakan di lapan (8) lokasi yang berbeza iaitu berdekatan dengan hartanah masing-masing. Lokasi tersebut ialah Pusat Komuniti Bukit Bandaraya, Pusat Komuniti Bandar Manjalara, Pusat Komuniti Taman Ibu Kota, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Tingkat 5 Bangunan TH Perdana, Jalan Sultan Ismail, Kompleks Perniagaan Keramat Mall, Perpustakaan Kuala Lumpur, Institut Latihan Dewan Bandaraya dan Jabatan Pengangkutan Bandar di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur 2.

Sehingga 26 Februari 2014, sebanyak 172 sesi telah berjaya diadakan dengan mencatat kehadiran seramai 25,594 orang pembantah daripada 160,374 bilangan pembantah yang dipanggil (16%).

Pembantah yang hadir adalah terdiri daripada peniaga, pesara, warga kerja swasta, warga kerja kerajaan, penjaja dan sebagainya bagi mewakili hartanah masing-masing seperti kediaman, kedai, tanah kosong dan lain-lain hartanah.